



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN BULAN KESEDARAN KESIHATAN LELAKI PERINGKAT KKM TAHUN 2024

YB Dato Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Sambutan Bulan Kesedaran Kesihatan Lelaki Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Tahun 2024 di Putrajaya hari ini. Sambutan yang bertemakan '**Peduli Diri, Lelaki Afiat**' ini memfokuskan kepada strategi mempromosikan pembudayaan hidup sihat dan memperkasakan golongan lelaki dalam kawalan kesihatan sendiri.

Isu kesihatan lelaki secara umumnya kurang diberi penekanan dalam kalangan masyarakat. Pada tahun 2023, purata jangka hayat lelaki ialah 72.5 tahun berbanding 77.4 tahun bagi wanita. Punca kematian utama dalam kalangan lelaki ialah akibat penyakit kardiovaskular iaitu sebanyak 34.9 peratus, diikuti oleh kanser (13.5%) dan penyakit paru-paru kronik (4.7%) bagi tahun 2021. Kaum lelaki terlibat dengan faktor risiko yang meningkatkan risiko penyakit kardiovaskular, kanser dan penyakit paru-paru kronik seperti merokok di mana sebanyak 35.7 peratus lelaki merokok iaitu 40 kali ganda lebih tinggi berbanding wanita. Selain itu, sebanyak 16.9 peratus lelaki didapati mengambil alkohol berbanding 6.4 peratus kalangan wanita.

Namun, terdapat beberapa isu kesihatan lain yang perlu diberi perhatian seperti prevalen penyakit tidak berjangkit (NCD) yang masih tinggi dan tahap pengesanan penyakit berkait dengan sistem reproduktif yang rendah. Isu ini telah menyebabkan prevalen *undiagnosed* penyakit kardiovaskular seperti diabetes, hipertensi dan hiperkolesterolemia dalam kalangan lelaki yang lebih tinggi berbanding wanita. Laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) Tahun 2023 melaporkan bahawa 6.2 peratus lelaki dikesan menghidap *undiagnosed diabetes* berbanding 5.6 peratus wanita. Selain itu, prevalen *undiagnosed hypertension* dalam kalangan lelaki ialah 12.7 peratus berbanding 11.1 peratus wanita. Namun, *undiagnosed hypercholesterolemia* yang turut merupakan faktor risiko penyakit kardiovaskular didapati rendah dalam kalangan lelaki iaitu 17 peratus berbanding 19 peratus dalam kalangan wanita. Masalah kemurungan dalam kalangan lelaki didapati kian meningkat dari 2 peratus pada tahun 2019 kepada 3.9 peratus pada tahun 2023, namun sikap lelaki yang lebih suka menafikan masalah kerana budaya dalam masyarakat yang beranggapan bahawa lelaki perlu kekal 'kuat'. Faktor-faktor ini menyumbang kepada keperluan mewujudkan polisi dan dasar perkhidmatan kesihatan yang sensitif kepada keperluan dan status yang berbeza di antara lelaki dan wanita.

Prevalen diabetes pada tahun 2019 telah menurun sebanyak 18 peratus dari 18.3 kepada 15 peratus pada tahun 2023. Keadaan yang sama turut berlaku kepada prevalen hipertensi yang menunjukkan tren pengurangan daripada 30.3 peratus kepada 28.8 peratus pada tahun 2023. Prevalen hiperkolesterolemia dalam kalangan lelaki didapati lebih rendah pada tahun 2019 iaitu 32 peratus berbanding 30.5 peratus pada tahun 2023.

Malaysia merupakan salah satu daripada tujuh negara di dunia yang mempunyai Pelan Tindakan Kesihatan Lelaki Kebangsaan (2019-2023). Antara fokus utama yang digariskan dalam pelan tindakan ini adalah penyakit pembengkakan kelenjar prostat, kanser prostat, disfungsi erektil, kesihatan mental, faktor risiko penyakit kardiovaskular dan kemalangan atau trauma kenderaan bermotor. Justeru, objektif utama pelan tindakan ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup dan mencapai kesetaraan jantina dan kesihatan yang lebih baik untuk lelaki dengan menumpukan kepada enam isu utama yang tersebut. Bagi mengukuhkan kelestarian perkhidmatan kesihatan lelaki di Malaysia, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga kini melaksanakan semakan semula Pelan Tindakan Kesihatan Lelaki 2019-2023. Di samping itu, Pelan Tindakan Kesihatan ini akan meneruskan kesinambungan rangka kerja yang telah dirancangkan bagi membanteras peningkatan ketara isu kesihatan lelaki di negara ini.

Selaras dengan pelan tindakan ini juga, KKM telah menerbitkan Garis Panduan Pengesanan Awal Masalah Kesihatan Reproduksi Lelaki di Penjagaan Kesihatan Primer bagi menangani isu-isu yang berkait dengan masalah sistem reproduktif lelaki di klinik kesihatan. Perkhidmatan saringan sistem reproduktif lelaki telah dijalankan secara berfasa mulai tahun 2024 dan akan diperluaskan kesemua klinik kesihatan pada tahun 2025. Garis panduan ini diharapkan dapat mengukuhkan pengurusan perkhidmatan terutamanya bagi penyakit pembengkakan kelenjar prostat, kanser prostat dan disfungsi ereksi.

Hasrat KKM adalah agar kesemua pihak di setiap kementerian dan agensi dapat menjadi pemangkin agar tanggungjawab ini dapat dilaksanakan secara bersama melalui pendekatan seluruh kerajaan

(whole-of-government) dan seluruh masyarakat (whole-of-society) dalam meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan kesihatan lelaki. Ini juga selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau “Sustainable Development Goals” yang mendukung pendekatan “leaving no one behind”. Melalui strategi ini adalah diharapkan masyarakat akan lebih berdaya saing selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI hasil daripada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, saksama dan efisien.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

5 OKTOBER 2024